

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

1,213 lagi jangkitan dilapor, 9 kluster baharu dikesan

Putrajaya: Sebanyak 1,213 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini meningkat kepada 328,466 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Selangor kekal mencatatkan kes harian tertinggi iaitu 353 kes diikuti Sarawak dengan 303 kes dan Johor iaitu 142 kes baharu.

Katanya, sehingga kini sebanyak 14,782 kes aktif dengan kebolehan jangkitan COVID-19 dilaporkan dan daripada jumlah itu 155 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), manakala 54 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan.

"Kes baharu hari ini (semalam) memabatkan tujuh kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara. Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam) terdapat tiga kes kematian dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian disebabkan oleh COVID-19 1,223 kes atau 0.37 peratus," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham turut memaklumkan semalam terdapat 1,503 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes sudah pulih sepenuhnya daripada COVID-19 ialah 312,461 kes atau 95.13 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau turut memaklumkan sembilan kluster baharu dikesan semalam dengan lima daripadanya berpunca daripada tempat kerja, tiga dalam kalangan komuniti dan satu memabatkan pusat tahanan.

Sementara itu Dr Noor Hisham ketika dihubungi BH semalam mengesahkan kematian seorang jururawat Hospital Pulau Pinang adalah disebabkan serangan jantung dan bukan disebabkan suntikan vaksin.

Beliau berkata jururawat terbabit disahkan meninggal dunia disebabkan penyakit yang dihidapi olehnya.

"Jururawat berkenaan meninggal dunia akibat serangan jantung lima hari selepas vaksinasi, tiada kaitan dengan suntikan vaksin," katanya.

Sementara itu, Ketua Asisten Komisioner Polis Daerah Kuala Muda Asisten Komisioner Adzli Abu Shah yang dilaporkan oleh sebuah portal berkata, hasil laporan autopsy forensik mengesahkan jururawat berusia 45 tahun itu meninggal dunia disebabkan serangan jantung.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Khairy jamin Sinovac selamat

Tahap keselamatan, keberkesanan vaksin dapat penilaian NPRA

Rembau: Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin memberi jaminan vaksin Sinovac selamat digunakan di negara ini dan tidak perlu diragui.

Beliau berkata ini kerana vaksin berkenaan sudah mendapat penilaian daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dalam memastikan tahap keselamatannya sama seperti vaksin jenis Pfizer BioNTech yang terbukti keberkesanan penggunaannya di negara ini.

Katanya, vaksin Sinovac itu juga diguna pakai di seluruh dunia dan sehingga kini lebih 60 juta dos disuntik selain turut menerima 27 'Emergency Use Authorisation' pada peringkat global termasuk di China, Indonesia, Turki dan Brazil.

"Ini jelas menunjukkan bahawa banyak lagi negara lain yang turut mengakui tahap keselamatan, keberkesanan dan kestabilannya untuk diambil dan diberikan kepada penduduk mereka.

"Walaupun negara kita baru sahaja memberikan suntikan vaksin Sinovac ini tetapi sehingga 15 Mac, lebih 15 peratus dos global yang diberikan adalah Sinovac," katanya kepada pemberita selepas menerima suntikan

pertama vaksin berkenaan di Pusat Pemberian Vaksin Hospital Rembau, di sini, semalam.

Khairy menjadi individu pertama di negara ini menerima suntikan vaksin COVID-19 jenis Sinovac.

Beliau menerima suntikan dos pertama vaksin keluaran China itu di Hospital Rembau pada 1.30 tengah hari.

Beliau tiba di hospital itu pada kira-kira 1.25 tengah hari dan melalui tiga stesen di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sebelum disuntik dengan vaksin berkenaan oleh Ketua Penyelia Jururawat Hospital Rembau Salha Abd Samad di stesen keempat dan seterusnya diletak di bawah pemerhatian di stesen kelima.

"Stesen pertama ialah untuk saringan gejala dan suhu, diikuti stesen kedua untuk pendaftaran bagi mengesahkan kehadiran untuk suntikan vaksin COVID-19 dan stesen ketiga bagi proses konsultasi dan persetujuan imunisasi.

Turut menerima suntikan pertama vaksin Sinovac hari ini ialah 10 petugas barisan hadapan di Negeri Sembilan.

Khairy sebelum ini memaklumkan negara menerima sejumlah 100,000 dos vaksin Sino-



Khairy selepas menerima suntikan vaksin Sinovac di Pusat Pemberian Vaksin Hospital Rembau, semalam. (Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)

vac pada Isnin lalu dan bakal menerima jumlah yang sama 22 Mac ini.

Dalam pada itu, beliau, yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata dos kedua vaksin Sinovac akan diberikan dalam tempoh 21 hari selepas dos pertama vaksin itu disuntik, sama seperti vaksin jenis Pfizer BioNTech sebelum ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Khairy berkata kerajaan akan mempertimbangkan untuk memberikan dos ketiga vaksin COVID-19 tahun depan sebagai penggalak (booster) sekiranya pandemik itu endemik.

"Ini juga sebagai satu strategi untuk kita menangani masalah varian sekiranya berlaku," katanya.

Khairy turut menjelaskan sekiranya terdapat lebih vaksin, ia akan disimpan sebagai stok penimbun atas beberapa sebab.

"Sekarang ini kita sedang melalui fasa uji kaji klinikal terhadap remaja berusia 12 tahun hingga 18 tahun. Kalau didapati vaksin ini selamat bagi golongan itu maka kita akan memabatkan remaja dalam program imunisasi ini, sebab itu kita perlu kepada stok penimbun," katanya.

BERNAMA

Isu SOP: Tindakan kerajaan negeri perlu selari keputusan Persekutuan

Kuala Lumpur: Tindakan kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan (PBT) yang tidak membenarkan peniaga menjalankan perniagaan tidak selari dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata sepatutnya negeri atau daerah perlu ikut apa yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan terutama yang berkaitan dengan prosedur operasi standard (SOP) dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Ini kerana undang-undang yang dipatuhi adalah mengikut Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) di bawah Kementerian Kesihatan dan keputusan Ma-

jlis Keselamatan Negara sepatutnya dipatuhi," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau mengulas dakwaan ada peniaga pasar malam dan pasar tani belum dibenarkan menjalankan perniagaan masing-masing di beberapa negeri dan daerah.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, Kerajaan Persekutuan tidak menghalang sebarang pindaan kecil oleh PBT dalam menentukan SOP bagi pasar malam atau pasar tani.

"Katanya, ini termasuk pindaan SOP untuk perniagaan bazar Ramadan dan Aidilfitri akan datang.

Ismail Sabri berkata, pihaknya sebelum ini pernah mengumumkan bahawa PBT bo-

leh menyesuaikan SOP operasi perniagaan dengan keadaan di tempat masing-masing.

"Misalnya di Sabah dan Sarawak, untuk bazar Ramadan kelak, masa operasi yang ditetapkan adalah bermula jam 3 petang namun di dua negeri itu mungkin diawalkan ke jam 2 petang kerana masa berbuka yang lebih awal.

"Tetapi pada dasarnya apa yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan perlu diikuti oleh negeri atau daerah tetapi mereka boleh disesuaikan dengan keadaan. Kita tidak boleh halang mereka buat pindaan kerana ia mungkin untuk disesuaikan dengan keadaan," katanya.

Selasa lalu, Ismail Sabri pada sidang medianya memaklumkan

kerajaan memutuskan untuk membenarkan bazar Ramadan dan Aidilfitri serta solat tarawih dijalankan pada Ramadan yang akan tiba tidak lama lagi namun perlu mematuhi SOP ditetapkan.

Sementara itu, seramai 58 individu ditahan kerana ingkar SOP dengan 39 daripadanya ditahan kerana terbabit aktiviti pusat hiburan, kelmarin.

Beliau turut mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kilang YTY dan asrama pekerja, di Lekir, Sitiawan, Perak selama dua minggu bermula hari ini.

PKPD di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka yang dijadualkan tamat hari ini dilanjutkan dua minggu lagi.

Terkini COVID-19 1,503

kes baharu dilapor, 9 kluster baharu dikesan

1,213 kes baharu disahkan, semalam

1,223 jumlah kematian dicatat

328,466 jumlah kes disahkan positif

14,782 kes yang masih dirawat